

Informasi untuk ibu bapa

Program Dwi Ijazah - Sarjana Muda Bahasa Jerman dalam Perniagaan dan Pengurusan Perlancongan merupakan inisiatif dan kerjasama antara University Constance of Applied Sciences (HTWG) dengan universiti-universiti Asia (China, Taiwan, Indonesia & Malaysia) yang menawarkan program dalam jurusan Bahasa Jerman dan Germanistik. Program pembelajaran 2 tahun ini memberikan bukan sahaja peluang untuk menimba ilmu khusus dalam pengurusan perlancongan antarabangsa dan pengurusan perniagaan, tetapi juga sebagai lanjutan pembelajaran dalam jurusan Bahasa Jerman dan Germanistik. Di samping itu, kualifikasi lepasan program yang serba guna ini menawarkan peluang kepada para graduan dalam mendapat perkerjaan di peringkat antarabangsa. Program ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dan menimba ilmu bersama mahasiswa dan mahasiswi Jerman.

Di samping program teras akademik, para pelajar bersempatan untuk melibatkan diri dalam projek-projek bersama mahasiswa mahasiswi Jerman, dimana pertukaran budaya and perluasan ilmu minda ditekankan. Pada masa yang sama, para pelajar boleh meningkatkan kemahiran insaniah dan kemahiran khusus seperti pengurusan dan presentasi dengan bimbingan dan interaksi bersama rakan-rakan Jerman. Interaksi dan pembangunan kemahiran ini adalah amat penting bagi peluang pekerjaan para pelajar di peringkat antarabangsa pada masa yang akan datang.

Dalam semester terakhir, para pelajar diberi peluang untuk memilih kursus pilihan, sama ada sebagai pendalaman dalam bidang pengurusan, Bahasa Jerman ataupun latihan industri (minimum 3 bulan) di negara-negara yang menutur Bahasa Jerman seperti Switzerland, Jerman dan Austria.

Graduan lepasan program ini adalah layak untuk melanjutkan program Sarjana (Master) dalam bidang Pengurusan, Komunikasi antara Budaya, Perlancongan ataupun Kesusasteraan Jerman di mana-mana sahaja universiti di Jerman atau di rantau dunia. Graduan-graduan tentunya juga boleh sejurus penamatan program ini mencari pekerjaan di Jerman ataupun di negara asal.